

EKUINAS MELANCARKAN PROGRAM ‘CAPACITY BUILDING’ BAGI MEMPERKASA DAN MEMBANGUNKAN SYARIKAT BUMIPUTERA KE ARAH KESIAPSEDIAAN PELABURAN

Kopi Hang Tuah Dipilih sebagai Syarikat Pertama

Sorotan Utama: -

- Ekuinas melancarkan *Capacity Building*, sebuah inisiatif khusus yang berfokus kepada syarikat Bumiputera **pasaran pertengahan rendah** bagi memperkukuh asas perniagaan, membuka potensi pertumbuhan serta menyediakan syarikat untuk peluang memperoleh modal.
- **Kopi Hang Tuah, pengeluar kopi warisan Malaysia** yang ditubuhkan pada tahun 1955, dipilih sebagai syarikat pertama di bawah program ini.
- Program ini mencerminkan komitmen berterusan Ekuinas dalam memajukan penyertaan ekonomi Bumiputera secara mampan selaras dengan keutamaan ekonomi negara.

KUALA LUMPUR, 28 April 2026: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) hari ini mengumumkan pelancaran *Capacity Building*, sebuah program pemangkin yang memberi tumpuan kepada pengukuhan asas perniagaan kritikal bagi syarikat Bumiputera berpotensi tinggi dalam segmen pasaran pertengahan rendah. rogram ini dirangka untuk mempercepatkan kemajuan syarikat agar menjadi lebih berdaya saing dan berdaya tahan melalui model penciptaan nilai. Pada masa yang sama, ia mempersiapkan syarikat untuk menarik dan memanfaatkan peluang pelaburan yang tersedia di pasaran.

Capacity Building merupakan tonggak ketiga dalam strategi pelbagai aset Ekuinas, melengkapi portfolio ekuiti persendirian dan kredit persendirian yang sedia ada. Program dalaman ini akan memilih sehingga tiga syarikat setiap tahun. Untuk menyertai program

ini, Syarikat perlu memenuhi kriteria yang ketat, termasuk mempunyai pendapatan tahunan antara RM15 juta hingga RM50 juta, serta rekod operasi yang terbukti.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Aliff Omar Mohamad Omar berkata, “Segmen pasaran pertengahan rendah di Malaysia adalah luas dan potensinya besar. Namun banyak syarikat berhadapan kekangan struktur seperti halangan operasi sehinggalah jurang dalam tadbir urus dan keupayaan pelaksanaan yang membendung usaha dalam mengembangkan syarikat. *Capacity Building* mencerminkan komitmen kami untuk menangani jurang ini secara berstruktur dan bermakna. Sebagai tonggak strategik ketiga Ekuinas, program ini berteraskan pengukuhan kepimpinan serta memudahkan akses kepada modal, disokong oleh pendekatan penciptaan nilai yang tersasar bagi meningkatkan daya tahan operasi dan kesiapsiagaan pertumbuhan. Matlamat kami adalah untuk memastikan syarikat yang menyertai program ini bersedia untuk memperoleh pelaburan, lantas membuka akses kepada modal dan mampu berkembang ke pasaran baharu.”

Kopi Hang Tuah merupakan syarikat pertama yang dipilih untuk menyertai program ini. Ditubuhkan pada tahun 1955, syarikat Malaysia ini merupakan pengeluar kopi milik keluarga yang mempunyai warisan berdekad dalam penghasilan kopi tradisional.

Aliff Omar menambah, “Segmen kopi di Malaysia terus menunjukkan pertumbuhan yang berdaya tahan, didorong oleh permintaan kukuh terhadap produk yang mampu milik dan mudah didapati. Dalam konteks ini, Kopi Hang Tuah menonjol sebagai jenama warisan dengan rekod prestasi yang terbukti, penawaran produk yang unik serta asas bakat yang kukuh. Mengekalkan kaedah memanggang biji kopi secara tradisional memberikan keaslian citarasa yang dihargai pengguna.

“Terdapat peluang yang jelas untuk mengembangkan perniagaan Kopi Hang Tuah secara mampan menerusi program *Capacity Building* kami. Ia mampu memperkukuh operasi, meluaskan jangkauan pasaran serta memacu syarikat ke fasa pertumbuhan seterusnya, di samping membuka peluang kepada sumber modal baharu.”

Kopi Hang Buah beroperasi terutamanya melalui model pengedaran perniagaan ke perniagaan (B2B) dan telah membina kehadiran yang kukuh di seluruh negara merentasi saluran perdagangan moden, disokong oleh beberapa pusat pengedaran serantau. Penawaran produk terasnya, terutamanya dalam segmen kopi-O tradisional, telah berjaya membina pangkalan pelanggan yang setia sejak penubuhannya.

Mohd Shahrizal bin Zool, Ketua Pegawai Eksekutif Kopi Hang Buah, berkata, “Berteraskan warisan berdekad lamanya serta rekod prestasi yang terbukti dalam menyajikan kopi autentik, Kopi Hang Buah telah membina asas yang kukuh dengan pangkalan pelanggan yang setia serta prestasi yang konsisten. Kerjasama kami dengan Ekuinas menandakan satu titik perubahan penting, yang bakal memacu transformasi kami ke arah menjadi perniagaan yang lebih berskala dan bersedia untuk masa hadapan.”

“Dengan kepakaran Ekuinas dalam penciptaan nilai dan pertumbuhan berdisiplin, kami memberi tumpuan kepada pengukuhan keupayaan operasi, peningkatan bakat serta inovasi produk, di samping meluaskan jangkauan pasaran sambil mengekalkan kualiti dan keaslian yang menjadi teras jenama kami. Usahasama ini seterusnya akan meletakkan kami pada kedudukan yang bersedia untuk menerima pelaburan, membuka akses kepada modal dan peluang baharu dalam fasa pertumbuhan seterusnya.”

Kopi Hang Buah telah membangunkan platform operasi yang stabil berdasarkan segmen produk teras yang menjadi pemacu utama pendapatannya. Prestasi konsisten syarikat mencerminkan daya tahan model perniagaannya, disokong oleh permintaan pasaran yang stabil serta keupayaan operasi yang mantap.

Program *Capacity Building* Ekuinas berteraskan penciptaan nilai yang merangkumi semakan menyeluruh perniagaan meliputi enam bidang utama iaitu strategi, kewangan, sumber manusia, jualan dan pemasaran, operasi, serta pematuhan kawal selia, dalam tempoh tiga tahun. Program ini melibatkan kerjasama rapat dengan pihak pengurusan serta intervensi bersasar bagi meningkatkan disiplin operasi, keberkesanan organisasi dan kepimpinan, disokong oleh inisiatif pepadanan pelabur dan pengukuhan akses

kepada ekosistem pelaburan bagi meningkatkan kesiapsiagaan syarikat untuk memperoleh pelaburan dan akses kepada modal.

-Tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat terkemuka generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosialnya dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah melabur di dalam 72 syarikat – 49 syarikat melalui pelaburan langsung dan 23 menerusi Pengurus Dana Penyumberan Luar. Sektor sasaran terasnya termasuk pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, peruncitan, penjagaan kesihatan dan pembuatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

Dikeluarkan bagi pihak Ekuiti Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

acorn communications sdn. bhd.

Farah Aqilah di +60 19-917 4451

atau di +603 7958 8348 atau e-mel acorncommunications@acornco.com.my